

PEJABAT BAHAGIAN MEKANIKAL DAN ELEKTRIKAL,
LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA,
WOKSYOP MADA, 06000 JITRA, KEDAH DARUL AMAN.
TELEFON : 04-9171212 / 04-9171216 TELEFAX : 04-9176473


**KENYATAAN TAWARAN
SEBUT HARGA BEKALAN / PERKHIDMATAN**

SEBUT HARGA NO. MADA(SH)/BME/P/10/2023

1. Sebut harga daripada petender tempatan (di Negeri Kedah) yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dan Bertaraf Bumiputera dalam kod bidang **070303 (Peralatan Dan Kelengkapan Pertanian/Ternakan /Akuatik)** akan diterima di **PEJABAT BAHAGIAN MEKANIKAL DAN ELEKTRIKAL, LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA, WOKSYOP MADA, 06000 JITRA, KEDAH DARUL AMAN** hingga tutup tawaran jam **12.00** tengah hari pada **07/09/2023 (KHAMIS)** untuk:-

Tajuk Sebut Harga : **Membekal, Menghantar, Menguji Dan Menjayajalakan Satu (1) Unit Peralatan Automatic Laser Land Leveler Yang Baharu Untuk Program Mekanisasi Dan Automasi Agromakanan MADA Tahun 2023.**

2. Semua butiran dan Dokumen Tawaran boleh didapati di Pejabat seperti alamat di atas pada waktu dan hari bekerja.
3. Petender yang ingin mengambil bahagian dalam tawaran ini dikehendaki membawa bersama **SURAT PENDAFTARAN KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA** dan **SURAT AKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT BERTARAF BUMIPUTERA** (jika berkalutan) yang asal untuk pemeriksaan dan sertakan sesalinan fotostat surat pendaftaran tersebut kepada pegawai yang mengeluarkan dokumen sebut harga.
4. Petender mestilah mengemukakan **TAWARAN HARGA** dan **TAWARAN TEKNIKAL** di dalam **DUA (2) SAMPUL SURAT BERASINGAN YANG BERLAKRI** dan dimasukkan ke dalam **SATU (1) SAMPUL SURAT UTAMA BERLAKRI** dengan menulis nombor sebut harga tersebut pada ketiga-tiga sampul surat tersebut, kemudian dimasukkan ke dalam **PETI TAWARAN** yang disediakan di Pejabat seperti alamat di atas, sebelum daripada waktu tutup penerimaan sebut harga ini.
5. Mana-mana tawaran yang diterima selepas tarikh dan waktu tutup yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.



(Ir. **EDDI ZAIMEE BIN ROMLI**)
Pengerah Bahagian Mekanikal dan Elektrikal,
Lembaga Kemajuan Pertanian Muda.